

## SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/07/04\_36 (HQ)

### **CEO TNB SARAN PENDEKATAN HOLISTIK DAN KOLABORATIF BAGI MENGEMUDI SECARA EFEKTIF PERALIHAN TENAGA GLOBAL**

Cabaran dan peluang Peralihan Tenaga (ET) adalah berterusan dan berbeza-beza bukan sahaja mengikut negara bahkan antara sektor. Justeru, titik mula perjalanan peralihan tenaga masing-masing adalah tidak sama termasuk sumber yang mereka boleh manfaatkan.

“Kunci utamanya adalah mencari penyelesaian komprehensif yang lancar merentasi semua sektor dan sempadan negara, dengan berkesan memenuhi jangkaan semua pihak berkepentingan yang terlibat,” kata **Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Bhd (TNB), Dato' Indera Ir. Baharin Din**.

Menyedari kerumitan dan kesalinghubungan landskap tenaga, beliau menekankan kepentingan pendekatan komprehensif dan bersepadu untuk menangani isu-isu kompleksnya.

“Ramai menjangkakan peralihan pantas dan lengkap kepada Tenaga Boleh Baharu (TBB), tetapi realitinya lebih kompleks dan mencabar. Di ASEAN sebagai rantau membangun, kami bertanggungjawab mengimbangi trilema tenaga bagi memastikan keterjaminan bekalan dan kemampuan pelanggan,” katanya pada Persidangan Peralihan Tenaga Global (GET) Reuter di New York, Amerika Syarikat pada 7 Jun 2023.

Kira-kira 800 eksekutif kanan yang terdiri daripada C-suite, pemimpin sifar bersih daripada sektor tenaga, perindustrian, kewangan dan kerajaan dan pelabur menghadiri persidangan dua hari itu.

Bercakap sebagai ahli panel perbincangan, Baharin berkata, "Dalam industri elektrik hari ini, sangat mustahak untuk menerima pakai perspektif yang merangkumi kedua-dua pertimbangan merentasi sektor dan negara. Pendekatan ini membolehkan kami mengoptimumkan sumber, memanfaatkan skala ekonomi, mengurus perbelanjaan modal (CAPEX) yang besar secara berkesan, sekali gus memudahkan keputusan dibuat dalam menjayakan peralihan tenaga yang mampan dan cekap."

Beliau merujuk bahawa dalam tempoh 2018 hingga 2050, ASEAN memerlukan AS\$7 trilion atau AS\$220 bilion setiap tahun bagi pelaburan dalam ET untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih. Bagi tempoh sama, TNB memerlukan kira-kira RM440-RM450 bilion CAPEX dalam meneruskan agenda Peralihan Tenaga Bertanggungjawabnya sendiri untuk Malaysia.

Memandangkan sejumlah besar diperlukan sebagai CAPEX untuk ET, Baharin menegaskan bahawa penyelesaian merentas sektor akan membantu mengoptimumkan sumber sambil memenuhi keperluan semua orang dalam mencapai matlamat ET masing-masing. Oleh itu, kerajaan memainkan peranan penting dalam mewujudkan dasar yang jelas dan menyediakan pelaburan dan penyelarasan merentas sektor untuk memudahkan ET.

Berdasarkan pengalaman TNB sendiri dalam memacu ET di Malaysia, beliau berkata syarikat itu bertuah kerana Kerajaan menyediakan dasar yang jelas dan amat diperlukan, panduan serta pembiayaan untuk pelaburan teknologi hijau baharu.

Mengenai kesalinghubungan serantau, katanya, Malaysia dan ASEAN sangat berminat untuk memperoleh faedah sama daripada perdagangan rentas sempadan seperti rakan mereka di Eropah yang mana kerjasama serantau di sana telah mencapai anggaran 34 bilion Euro sambil membantu meredakan ketidaktentuan harga.

“Kefahaman bersama betapa krtikalnya kepentingan ET sejak tiga tahun lalu ,telah membantu mendorong rantau ASEAN mempercepatkan program kesalinghubungan yang terbantut selama lebih 30 tahun. Kesalinghubungan mendorong pelaburan dalam penjanaan dan grid, yang akan membantu mengukuhkan keterjaminan bekalan di rantau ini. Kami mempunyai 7.7 GW dalam sambungan sedia ada, cuma perdagangannya dilakukan secara dua hala melalui Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) dan perjanjian antara saling hubungan.”

Baharin juga berkata, bahawa pendekatan komprehensif kepada ET akan mengelakkan pertindihan dan membolehkan penyatuan sumber, kepakaran dan idea inovatif daripada pelbagai sektor, yang membawa kepada penyelesaian lebih berkesan dan mampan. Ia juga akan menangani pelbagai aspek peralihan termasuk kemajuan teknologi, rangka kerja dasar, impak kepada masyarakat dan pertimbangan alam sekitar. "Pendekatan komprehensif ini meningkatkan peluang untuk mencapai kejayaan jangka panjang."

Kehadiran TNB pada persidangan GET Reuters menyerlahkan kedudukan syarikat utiliti nasional itu sebagai pembekal terkemuka bagi penyelesaian tenaga mampan. Dengan mempamerkan komitmennya terhadap kemampanan dan inovasi, TNB berhasrat untuk memupuk minat pelabur antarabangsa yang mencari peluang di Malaysia. Memandangkan persekitaran Malaysia yang menggalakkan untuk pelaburan langsung asing (FDI), berfungsi sebagai pintu masuk utama ke rantau ASEAN, kehadiran TNB pada persidangan itu menyerlahkan potensi negara sebagai destinasi pelaburan yang ideal.

Baharin menyertai perbincangan panel eksekutif bersama pemimpin industri terkenal, termasuk Musabbeh Al Kaabi dari Kumpulan ADNOC, Patrick Schultz dari Veolia, Vaishali Nigam Sinha dari ReNew, dan Michael Strugl dari VERBUND AG. Sesi menarik itu yang dikendalikan dengan lancar oleh Thomas Schlaak dari Deloitte, menghimpunkan pelbagai perspektif antarabangsa dan pandangan merentas sektor.

Perbincangan berkisar kepada tema menjentik daya pemikiran, "Mengharungi Suasana Riu Rendah dan Mengatur Konsensus Merentasi Sekor," dengan tumpuannya kepada aspek yang sering terabai tetapi penting dalam peralihan tenaga. Topik utamanya termasuk kesan gelembung maklumat dan lanjutan gemanya di samping gelora geopolitik yang dinamik dan kompleks. Baharin menyumbang kepada mendalamnya perbincangan, mendedahkan keperluan pendekatan holistik dan kolaboratif dalam mengemudi peralihan tenaga yang kompleks itu.

Pada GET Reuters, beliau bersama-sama pemimpin industri yang lain menandatangani Pernyataan Visi Bersama yang menandakan cita-cita komuniti tenaga menuju ke arah dunia yang lebih hijau dan lebih mampan. "Dengan bergabung tenaga bersama pemimpin global yang disegani, TNB memperkukuh dedikasinya dalam memacu pelaksanaan komitmen terhadap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG). Bersama-sama, kami menasak untuk mempercepatkan peralihan tenaga, mencapai pelepasan Sifar Bersih menjelang 2050 dan membangunkan landskap tenaga mampan yang memberi manfaat kepada kedua-dua bumi dan manusia," jelas Baharin.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 4 Julai 2023, jam 10:30 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din (dua kanan) berkongsi pandangannya tentang Peralihan Tenaga semasa perbincangan panel pada Persidangan Peralihan Tenaga Global (GET) Reuter di New York, Amerika Syarikat pada 7 Jun 2023. **Beliau bercakap mengenai jurang yang semakin meningkat antara jangkaan masyarakat dan rentas industri untuk ET global.**

Ahli panel lain ialah Pengarah Eksekutif Rendah Karbon dan Antarabangsa ADNOC, Musabbeh Al Kaabi (tiga kiri); Ketua Pegawai Pertumbuhan Veolia Amerika Utara, Patrick Shultz (dua kiri); Ketua Pegawai Eksekutif Verbund, Michael Strugl (kiri sekali); Pengasas Bersama dan Pengerusi Kemampanan ReNew, Vaishali Nigam Sinha (tiga kanan). Sesi itu dikendalikan oleh Deloitte Sustainability Consulting Global Power, Utilities & Renewable Leader, Thomas Schlaak (kanan sekali).